



( 24 ) KPKT/BPK/19/7/4 Klt. 28

2 Mac 2010

## **SIARAN MEDIA**

### **TAMAN PERSEKUTUAN MALAYSIA BERKONSEPKAN "DESIGN WITH NATURE" AKAN DIWUJUDKAN**

KUALA LUMPUR 3 MAC 2010 – Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan melalui Jabatan Landskap Negara akan mewujudkan Taman Awam Bersekala Besar di Bukit Kiara iaitu Taman Persekutuan Malaysia sebagai projek printis berkonsepkan "Design With Nature" kata Dato' Seri Kong Cho Ha, menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Katanya, Garis Panduan Pembangunan Landskap yang komprehensif disediakan dalam Kajian Pelan Induk Landskap bagi menyediakan arah tuju dan pelan tindakan yang jelas kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dalam merancang dan melaksanakan pembangunan landskap di kawasan pentadbiran masing-masing.

Kong berkata, Selaras dengan Gagasan 1Malaysia, Konsep Negara Taman ini telah diperkenalkan oleh Jabatan Landskap Negara sejak Rancangan Malaysia Ketujuh berdasarkan konsep Garden City yang diilhamkan sejak kurun ke 19.

Katanya, dalam Rancangan Malaysia KeSembilan (RMK-9) sebanyak 12 Taman Awam telah siap dibina melibatkan kos sebanyak RM 49.6 juta, manakala 12 lagi taman dalam pembinaan.

Sementara itu, katanya kempen menanam pokok telah dilancarkan sejak tahun 1997 dan kini KPKT melalui Jabatan Landskap telah mensasarkan penanaman sebanyak 20 juta pokok utama oleh pelbagai lapisan masyarakat menjelang tahun 2020 dan sehingga kini sebanyak 17,687,557 pokok telah ditanam di seluruh negara iaitu pencapaian sebanyak 88.43%.

Beliau menambah, Sempena majlis perasmian pada malam ini, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan melalui Jabatan Landskap Negara turut memberi sijil penghargaan bagi kategori mencapai

sasaran penanaman pokok utama peringkat negeri dan penanaman pokok bunga raya serta Ngo's dan agensi kerajaan yang aktif dalam pemeliharaan alam sekitar. Disamping itu juga anugerah Landskap iaitu Tokoh Landskap (individu), Tokoh Profesional Landskap (individu), Pihak Berkuasa Tempatan, Pemaju (Developer) dan Media Landskap juga turut disampaikan.

Kong menjelaskan. pengiktirafan ini mendapat sambutan baik dan positif dalam usaha memacu pembangunan landskap negara ke arah mencapai aspirasi Malaysia Negara Taman Terindah menjelang tahun 2020.

\*\*\*

*Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh Yang Berhormat Dato' Seri Kong Cho Ha. Di bawah Kementerian ini terdapat 9 Jabatan iaitu Jabatan Perumahan, Jabatan Kerajaan Tempatan, Jabatan Bomba dan Penyelamat, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Jabatan Lanskap Negara, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, Perbadanan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah dan Institut Latihan KPKT.*

*Di dikeluarkan oleh:*

*Unit Komunikasi Korporat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Aras 2 Blok K, Pusat Bandar Damansara, Peti Surat 12579, 50782 Kuala Lumpur. Tel: +60320992321, Faks: +60320956523; Email: [pro@kpkt.gov.my](mailto:pro@kpkt.gov.my). Untuk keterangan lanjut sila hubungi Jessylina Mat Lazim, Ketua Komunikasi Korporat [jessy@kpkt.gov.my](mailto:jessy@kpkt.gov.my) atau Saleki Amat Januri, Pegawai Perhubungan Awam di talian 016-6297481 atau Encik Wan Zainal Shahrman di talian mudah alih 0196902862 atau emelkan ke [zainal\\_shahrman@kpkt.gov.my](mailto:zainal_shahrman@kpkt.gov.my)*